

Mahathir - BN

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) — Barisan Nasional (BN) sedang menjalankan kajian bagi mengukur prestasi setiap parti komponennya dalam pilihan raya umum lepas, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini. Beliau yang juga Pengerusi BN dan Presiden Umno, berkata kajian itu bertujuan untuk menilai sumbangan setiap parti komponen terhadap kemenangan BN dalam pilihan raya itu.

+Sesiapa yang ada dalam BN mestilah menyumbang kepada kemenangan BN. Kalau cuma ada dalam BN untuk mendapat tempat melalui undi UMNO sahaja, in adalah tidak mencukupi,+ katanya dalam satu persidangan akhbar selepas tamat hari kedua Perhimpunan Agung UMNO di sini.

Beliau, bagaimanapun, menegaskan bahawa parti itu tidak tamak untuk mengambil tempat seperti jawatan Menteri atau Timbalan Menteri kerana ia berpegang kepada prinsip memberikan tempat kepada rakan-rakan komponen.

+Kita akan memberikan tempat kepada semua pihak tetapi mereka yang mendapat tempat harus juga memainkan peranan penting dalam BN,+ katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kedudukan dua jawatan Timbalan Menteri bagi MIC, yang masih belum diisi. -- Lagi

▼01/12/19-37MST

CNS4791

U PB 01-12 00122 BH576

aab

Mahathir - BN 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau belum membuat keputusan mengenai perkara itu.

Beliau berkata sistem pengiraan undi cara baru yang dibuat di tempat pengundian akan memudahkan kajian berkenaan.

Walaupun BN tidak dapat mengetahui undi setiap individu, ia boleh mendapat gambaran mengenai kelompok yang mengundi untuk BN.

Mengenai Perhimpunan Umno itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata mutu perbahasan adalah baik dan suasana perhimpunan adalah tenang.

Beliau berkata para perwakilan menunjukkan sikap bertanggungjawab dan matang termasuk, ketika membentangkan usul Raja dan Perlembagaan.

Pembentang usul itu, katanya, telah secara tertib menggunakan teks untuk berucap supaya tidak menimbulkan perasaan tidak baik dan melanggar undang-undang. -- Lagi

▼01/12/20-01MST

CNS4792

U PB 01-12 00079 BH577

aab

Mahathir - BN 3 Kuala Lumpur

Beliau juga berpuas hati dengan hujah-hujah yang dikemukakan oleh para perwakilan yang jelas menunjukkan mereka tidak mahu menerima cara-cara yang boleh melemahkan parti.

Umpamanya, para perwakilan tidak mahu menteri-menteri menggunakan kedudukan untuk kepentingan peribadi, sebaliknya sentiasa mengutamakan parti, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menyebutkan contoh seorang bekas pemimpin Pemuda Umno yang cuba memeralatkan pergerakan itu semata-mata mahu menjadi Ketua Pemuda. -- Bernama